

**PRU13:UndiBNjamin kemakmuran berterusan-Dr.M
Utusan Online
03 May, 2013**

GURUN 3 Mei - Tun Dr. Mahathir Mohamad mengajak rakyat khususnya masyarakat Cina agar terus memberi sokongan padu kepada Barisan Nasional (BN) yang selama ini terbukti membawa kemakmuran serta keamanan kepada negara.

Bekas Perdana Menteri itu berkata, BN juga terbukti menjalankan tugasnya dengan cemerlang kerana menyatu padukan rakyat pelbagai kaum berteraskan prinsip perkongsian kuasa.

Katanya, prinsip tersebut membolehkan setiap rakyat sama ada Melayu, Cina, India serta suku kaum lain mendapat nikmat daripada kemajuan dan kekayaan negara selama lebih 50 tahun.

"Saya harap kita dapat kekalkan kerajaan BN ini iaitu kerajaan yang berkongsi kuasa antara Melayu, Cina dan India serta lain-lain.

"Dengan perpaduan kaum yang utuh sekarang, rakyat dapat menikmati kemakmuran berterusan," katanya.

Beliau menyatakan demikian ketika berucap di hadapan lebih 3,000 hadirin pada Majlis Makan Malam Malaysia anjuran Gabungan Persatuan Kebajikan Cina Hua Heng di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Choong Hwa, di sini malam ini.

Yang hadir bersama ialah isteri beliau, Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali dan Timbalan Pengerusi BN Kedah, Datuk Mukhriz Mahathir.

Turut serta ialah calon-calon BN iaitu Datuk Seri Jamil Khir Baharom (Parlimen Jerai), Dr. Leong Yong Kong (DUN Gurun).

Dr. Mahathir berkata, masyarakat Cina juga diminta tidak terpengaruh dengan dakwah DAP yang cuba menimbulkan sentimen kebencian antara orang Melayu dengan Cina.

"Hubungan orang Melayu dan Cina sebelum ini amatlah akrab. Namun, DAP telah membawa budaya politik tidak sihat.

"Mereka memainkan isu-isu sehingga orang Cina dan Melayu bermusuhan. Politik sebegini amatlah berbahaya kerana menggugat perpaduan kaum," katanya.

Beliau berkata, apabila timbul konflik antara kedua-dua kaum tersebut, kemakmuran sedia ada akan termusnah dan menjejaskan masa depan negara.

Dalam perkembangan berkaitan, beliau melahirkan rasa yakin bahawa Kedah akan berkembang lebih pesat dari segi ekonomi sekiranya BN kembali memerintah negeri itu selepas Pilihan Raya Umum Ke-13 ini.

"Saya yakin BN akan bawa Kedah lebih pesat. Apabila situasi ini berlaku, rakyat pelbagai kaum termasuk orang Cina dapat hidup dengan lebih makmur," katanya. - UTUSAN ONLINE

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source : http://www.utusan.com.my/utusan/Pilihan_Raya/20130503/px_82/PRU13-Undi-BN-jamin-kemakmuran-berterusan---Dr-M#ixzz2ZnoFbbke